

## Latar Belakang/Sejarah

DI BAWAH Seksyen 46, Akta 81 – Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, ianya menyebut bahawa organisasi berikut adalah dikecualikan daripada peruntukan Akta ini, iaitu :

- Sebuah bank yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan bank di Persekutuan;
- Bank Pertanian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia 1969; dan
- Sebuah syarikat kerjasama yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Persekutuan berhubung dengan syarikat kerjasama.

Sehubungan dengan Akta di atas maka wujudlah satu peluang baru yang selaras dengan tuntutan Islam yang mana ianya dinamakan Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu. Skim ini juga merupakan rentetan dari pelaksanaan Syariah dalam sistem perbankan pada awal 1983.

Ianya telah dilaksanakan buat pertama kalinya oleh Majlis Agama Islam Terengganu pada 23 Januari 1993 dengan dikenali sebagai Muassasah Gadaian Islam Terengganu.

Perlaksanaannya yang memenuhi kehendak Syariah Islam telah menarik minat Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan (PKNK). Melalui anak syarikatnya iaitu Permodalan Kelantan Berhad (PKB) ia telah mewujudkan ' Kedai Ar-Rahn ' yang mula beroperasi pada Mac 1992.

Dari segi pelaksanaan yang lebih meluas, Bank Kerjasama Rakyat dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) telah memperkenalkan skim ini kepada masyarakat umum. Perlaksanaannya mendapat kerja-sama sepenuhnya dari Bank Negara Malaysia yang turut bertindak sebagai badan kawal selia kerajaan.

Sambutan yang baik dan meng-galakkan daripada pelbagai golongan telah memberi peluang kepada YPEIM untuk menjadi pelopor yang berdaya saing. Fasa seterusnya dijalankan dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Pertanian Malaysia (BPM). Sungguhpun begitu, pelaksanaan skim ini di semua institusi kewangan adalah sama kerana hukum Syariah dijadikan landasan dan panduan.

Memandangkan skim ini berdaya maju dan memenuhi kehendak dan hukum Syariah, beberapa badan pergerakan koperasi dan kerajaan negeri telah mula menceburkan diri ke dalam bidang ini. Kerajaan Perlis, sebagai contoh, telah menubuhkan Pajak Gadai Islam pada Januari 1997.

Antara badan pergerakan koperasi yang terawal dalam pelaksanaan skim ini ialah Koperasi Pengguna Pahang Berhad, Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad dan Koperasi Kakitangan Kerajaan Dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN).

Sebagai contoh, KOKANUN telah mewujudkan Muassasah Gadaian Islam (Ar-Rahnu) KOKANUN atau 2001. Ianya telah mula beroperasi pada tarikh yang sama setelah

mendapat mandat daripada anggota-anggotanya dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOKANUN Kali Ke-31 pada 17 Jun 2000.

Namun begitu, secara praktikal-nya, menurut perangkaan oleh Bank Negara Malaysia, nilai pajak gadai Islam hanya merangkumi 15 peratus dari pasaran pajak gadai sedia ada, manakala nilai pinjaman yang ditawarkan hanyalah RM275 juta berbanding dengan jumlah nilai pinjaman sedia ada iaitu RM1.5 bilion.

## **Pengenalan**

Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu ditubuhkan atas dasar Fardhu Kifayah dan bukan atas dasar keuntungan semata-mata oleh pelaksanaannya. Antara tujuan utamanya ialah untuk menghapuskan riba atau hasil bunga (faedah) dan gharar yang dikenakan oleh pengusaha kedai pajak gadai secara konvensional. Walaupun menurut Akta Pajak Gadai 1972, had maksimum caj faedah bulanan adalah sebanyak 2.5 peratus, namun secara realitinya, jumlah yang dikenakan ialah sekitar tiga hingga empat peratus sebulan.

Skim ini memberikan kemudahan alternatif kepada kemudahan pin-jaman yang sedia ada di samping memberi pilihan kepada peminjam untuk menuruti kehendak dan hukum Syariah.

Skim ini beroperasi dengan memberi pinjaman ihsan sementara kepada yang memerlukan, dengan cagaran atau barang sandaran yang di-namakan ' marhun ' . Di dalam konsep ini, sesuatu barang yang berharga dijadikan sebagai cagaran yang terikat dengan hutang. Secara ringkasnya, sekiranya hutang tersebut tidak dijelaskan, maka ' marhun ' itu tadi boleh digunakan untuk menjelaskan baki hutang tersebut.

Tujuan ' marhun ' ini ialah untuk meyakinkan tuan punya hutang/pemiutang bahawa risiko pembayaran semula hutang tadi dapat dikurangkan. Sementara di pihak penghutang, mereka ini tidak perlu menanggung beban pembayaran semula yang tinggi, sebaliknya jalan penyelesaian terbaik telahpun dipersetujui.

Bagi hutang tadi pula, skim ini melaksanakan prinsip Al-Qardhul Hasan (bantuan ihsan), iaitu pinjaman tanpa faedah yang lebih bersifat kepada sikap tolong menolong dan bantu membantu sesama Islam.

Sementara prinsip Al-Wadiah pula ialah akad di antara tuan punya barang dengan pihak yang menyimpan barang gadaian tersebut.

Atas dasar Al-Wadiah inilah, skim ini akan mengenakan bayaran upah simpan selamat (safe custody fee) ke atas barang gadaian tadi.

Secara ringkasnya, skim ini tidak akan mengenakan faedah kepada pinjaman tetapi hanya mengambil upah untuk menyimpan dengan selamat ke atas barang gadaian.

## **Menurut perspektif Islam, skim ini memenuhi ciri-ciri berikut:**

- Bebas dari unsur-unsur riba, selari dengan kehendak dan hukum Islam.
- Ianya berkonsepkan fardhu kifayah; iaitu membantu sesama umat yang memerlukan pertolongan.

- Meletakkan tanggungjawab sosial ke atas peminjam dan pemberi pinjaman yang mana ianya hanya menggunakan konsep upah perniagaan yang dibenarkan oleh Syarak.
- Paduan yang syumul antara sifat-sifat komersil dan amal jariah; adil dan tidak membebankan peminjam.
- Meningkatkan sikap amanah kepada pengusaha; menyimpan barang gadaian tersebut dengan baik.
- Transaksi perniagaan yang lebih telus; bersandarkan kepada harga semasa barang gadaian (kebiasaannya barang gadaian ialah emas).

**Sementara dari perspektif pergerakan badan koperasi pula, Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu ini memenuhi ciri-ciri berikut :**

- Mempelbagaikan aktiviti perniagaan, yang mana ianya boleh mendatangkan pulangan yang baik ke atas pelaburan yang dibuat oleh koperasi.
- Mengurangkan risiko hutang tidak berbayar (NPL) kerana semua hutang yang diberikan adalah terjamin.
- Memecahkan monopoli pajak gadai konvensional yang biasanya membebankan para penggadaai yang memerlukan wang.
- Memberi pilihan pinjaman yang bebas riba ' kepada semua anggota koperasi khususnya dan umat Islam, amnya.
- Membantu mereka yang terdesak atau memerlukan dengan memberikan pinjaman yang lebih mudah urusan transaksinya.
- Meningkatkan keperibadian yang baik kepada pengusahanya; dari segi sifat amanah, jujur, telus, kemahiran dalam keilmuan dan pengurusan dan sebagainya.

**Konsep, Rukun Dan Ciri-Ciri Perlaksanaan**

**Konsep:**

**Berlandas dan berpandukan kepada hukum Syariah iaitu :**

- Ar-Rahnu: mekanisma di mana sesuatu barang yang berharga dijadikan sandaran ke atas hutang. Tidak ada unsur riba ' ke atas pinjaman tetapi hanya upah menjaga barang cagaran sahaja dikenakan.
- Al-Qardhul Hasan: pinjaman ihsan yang diberikan adalah bebas dari unsur riba ' atau faedah.
- Al-Wadiah: akad untuk menjaga keselamatan barang yang dicagar.

## **Rukun:**

### **Rukun Ar-Rahnu terbahagi kepada:**

- Penggadai: orang yang menggadai/orang yang berhutang.
- Penerima Gadaian: pemegang gadaian/pemberi pinjaman.
- Barang Gadaian : barang yang berharga yang terletak di bawah simpanan penerima gadaian.
- Tanggungan Gadaian: jumlah yang berhutang.
- Sighah/Perjanjian: perjanjian berkaitan pinjaman yang diberikan atau hutang dan gadaian.

## **CIRI-CIRI PERLAKSANAAN (PENGURUSAN)**

### **Di Peringkat Anggota Lembaga Koperasi**

Ianya akan dikendalikan oleh Anggota Lembaga yang dilantik dari kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Mereka yang dilantik ini akan menentukan hala tuju sebenar skim ini sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya. Antara perkara yang perlu dititikberatkan ialah:

- Jumlah modal kerja yang akan disumbangkan.
- Modus operandi skim ini; termasuk kumpulan sasaran.
- Penyediaan pusat/bilik operasi; termasuk dari segi pelaksanaan dan pengurusan, keselamatan operasi, peralatan dan perkakasan yang diperlukan, insurans ke atas pekerja dan barangan yang disimpan, laporan perjalanan dan kewangan operasi dan sebagainya.
- Kawal selia operasi.
- Lain-lain yang berkaitan.

### **Peringkat Pentadbiran**

Urusan pentadbiran di peringkat koperasi diketuai oleh Pengurus Besar yang akan memastikan operasi harian berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

### **Pengurus Ar Rahnu (Seorang)**

Pengurus Ar Rahnu bertanggung-jawab dalam menilai perkembangan dan pembangunan skim ini. Beliau juga bertanggung-jawab dalam melaksanakan keputusan Anggota Lembaga, memastikan sistem pentadbiran operasi mengikut perancangan, memastikan urus-niaga berlaku secara telus dan tanpa penipuan. Secara amnya, tugas ini melibatkan satu tanggungjawab yang besar.

### **Penilai/kerani Ar Rahnu (Sekurang-kurangnya seorang)**

Penilai/ kerani Ar Rahnu bertanggungjawab untuk menilai barang gadaian (kebiasanya emas) mengikut nilai semasa di pasaran, menentukan kesahihan barang gadaian, kecekapan dalam menggunakan peralatan dan perkakasan dan sebagainya. Secara amnya, penilai merupakan nadi utama dalam pelaksanaan operasi skim ini.

## **CIRI-CIRI PERLAKSANAAN (OPERASI)**

- **Tujuan**

Memberi pinjaman berdasarkan nilai semasa di pasaran ke atas cagaran (emas).

- **Margin Pinjaman**

65/70 peratus nilai semasa di pasaran ke atas cagaran.

- **Kadar Upah Simpan**

RM0.65 sebulan setiap RM100 nilai marhun (nilai marhun yang kurang daripada RM1000).RM0.70 sebulan setiap RM100 nilai marhun (nilai marhun yang lebih daripada RM1000).

- **Bagi meningkatkan prestasi operasi, ianya banyak bergantung kepada ' volume of sales ' .**
- **Tempoh Pinjaman**

Tempoh gadaian ialah enam bulan.

Tempoh akan dilanjutkan dua bulan lagi secara automatik

- **Sekuriti/Cagaran**

Emas Tulen (bergantung kepada keadaan fizikal dan jenisnya).

- **Bayaran Balik**

Sekali gus atau ansuran

- **Kelulusan**

Serta-merta atau semua urusan penggadaian atau penebusan selesai.

- **Hasil Lelongan**

Barang gadaian yang tidak ditebus selepas tamat tempoh pinjaman akan dilelong mengikut harga pasaran semasa. Hasil lelongan akan ditolak pinjaman yang tidak berbayar, upah simpan dan kos-kos lain yang terbabit. Bakinya akan dipulangkan kepada penggadai.

- **Peralatan Ujikaji**

Penggunaan batu hitam, kanta pembesar dan asid.

- **Peralatan yang lebih sofistikated adalah dicadangkan namun ianya terbatas dari segi prestasi operasi, harga/kos pembelian, penggunaan yang maksimum memerlukan seorang yang terlatih dan lain-lain faktor yang terlibat.**
- **Perkakasan Penimbangan**

Electronic Balance dan Electronic Densimeter.

- **Perkakasan yang lebih sofistikated adalah dicadangkan namun ianya terbatas dari segi prestasi operasi, harga/kos pembelian, penggunaan yang maksimum memerlukan seorang yang terlatih dan lain-lain faktor yang terlibat.**
- **Peralatan Dan Perkakasan Keselamatan**

Pejabat operasi, peti besi (dua unit), kabinet kalis api (untuk menyimpan dokumen-dokumen) dan bilik kebal.

- **Insurans**

Merangkumi insurans pengurusan wang tunai, pemindahan wang tunai, perlindungan kebakaran, perlindungan kecurian dan sebagainya.

## **PERMASALAHAN, HAD ATAU BATASAN**

- 1 Secara keseluruhannya, pentadbiran dan pengurusan pelaksanaan skim ini memerlukan hala tuju yang selari dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh hukum syarak khususnya dan undang-undang awam atau pihak berwajib, amnya. Ini kerana pelaksanaan skim gadaian memerlukan pemantauan yang meluas terutamanya dari segi kewangan yang mana ianya melibatkan barangan gadaian (emas) dan juga tunai.
- 2 Pemilihan aset atau barangan gadaian. Ini meliputi penyenaian jenis aset yang boleh digadaikan. Apakah hanya terhad kepada emas? Bagaimana dengan aset lain yang mempunyai harga di pasaran? Contohnya tanah, rumah, sijil-sijil saham, sijil-sijil pelaburan?
- 3 Penilaian aset yang terdedah kepada kemaruapan, contohnya emas, yang mana ini akan menimbulkan sedikit masalah dari segi operasi sekiranya kakitangan yang ditugaskan tidak cukup kemahiran dan latihan. Kualiti emas, rupa bentuk dan sifat fizikalnya juga memainkan peranan dalam urusan penggadaian.
- 4 Adakah caj marhun yang dikenakan, jumlah pinjaman dan tempoh pinjaman yang diberikan kepada penggadai adalah sama? Proses ini memerlukan pertimbangan yang adil dan sewajarnya dari pihak pengurusan terutamanya Pengurus Operasi.

Semua permasalahan, had dan batasan ini hendaklah dikaji, diteliti dan diperhalusi sebelum Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu dapat dilaksanakan dengan seadilnya; baik kepada pemberi pinjaman, penggadai, masyarakat dan mereka yang berkaitan.

Namun begitu, untuk renungan bersama, permasalahan, had dan batasan di atas hanyalah sebahagian dari rangka kerja dan rangka operasi skim ini. Ianya hanya panduan kecil sebelum pelaksanaan skim ini dipertimbangkan.

## **KESIMPULAN**

Semoga dengan adanya Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu ini, ia dapat memberi pilihan kepada masyarakat Islam, amnya dan anggota-anggota koperasi, khususnya dalam mengatasi masalah kewangan. Dengan ini, mereka yang memerlukan pinjaman segera tidak lagi terbelenggu dengan sistem pajak gadai sedia ada konvensional yang lebih bersifat menekan dan menindas. Selain dari itu, kemudahan ini selaras dengan dasar dan prinsip perjalanan sistem berkoperasi; tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain